

21 AUG 1998

Mahathir-Perlis

DR MAHATHIR TIBA DI PERLIS DALAM RANGKA LAWATAN KERJA SEHARI

KANGAR, 21 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, hari ini, dalam rangka lawatan kerja sehari yang antara lain bertujuan menjelaskan kepada rakyat mengenai kedudukan ekonomi negara.

Perdana Menteri yang tiba pada pukul 9.55 pagi memulakan acara lawatannya dengan merasmikan Bangunan Persekutuan setinggi lapan tingkat di Pesiaran Jubli Emas dekat sini.

Bangunan berharga RM41.5 juta itu dengan reka bentuk komersil mula beroperasi awal tahun ini.

Antara jabatan yang ditempatkan di bangunan itu ialah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Biro Bantuan Guaman, Biro Penerangan, Jabatan Imigresen dan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO kemudiannya mengadakan perjumpaan tertutup dengan para pemimpin UMNO Perlis di hotel Kangar Travelodge yang terletak kira-kira 250 meter dari Bangunan Persekutuan.

Pada sebelah tengah hari, beliau dijangka menunaikan solat Jumaat di Masjid Guar Gajah, Arau manakala pada pukul tiga petang, beliau akan berucap kepada ribuan penduduk pada majlis perhimpunan rakyat di Stadium Utama di sini.

Sebelum ini, Dr Mahathir telahpun melawat Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pulau Pinang dan Sabah bagi menjelaskan kedudukan ekonomi negara kepada rakyat. Semalam beliau membuat penjelasan yang sama kepada penduduk di ibu negara.

Sementara itu, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah mempunyai aturcara berasingan pada pukul 11 pagi dengan mengadakan perjumpaan dengan para pemimpin pertubuhan wanita seluruh Perlis di Kompleks Warisan, Jalan Kolam di sini.

-- BERNAMA

AD JM PR